

Headline	TNB sedia 50 jana kuasa mudah alih tangani gangguan bekalan		
MediaTitle	Sinar Harian (Pahang)		
Date	07 Jan 2017	Language	Malay
Circulation	20,000	Readership	60,000
Section	NEWS	Page No	39
ArticleSize	401 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 8,427		



## TNB sedia 50 jana kuasa mudah alih tangani gangguan bekalan elektrik

KUANTAN - Tenaga Nasional Berhad (TNB) Negeri Pahang menyediakan 50 unit jana kuasa mudah alih sebagai persiapan sekiranya bekalan elektrik terganggu jika banjir berlaku.

Pengurus Besar TNB negeri, Datuk Ir Sharuddin Mohd Simin berkata, kemudahan jana kuasa mudah alih itu amat penting dalam situasi kecemasan seperti banjir.

Menurutnya, jana kuasa berkenaan akan ditempatkan di beberapa daerah yang diramal terdedah kepada bencana alam itu hingga boleh mengakibatkan bekalan elektrik terputus untuk jangka masa panjang.

"Selain itu kita turut menyediakan jana kuasa mudah alih kecil (portable genset) berkuasa lima kilowatt (kw) untuk kegunaan mangsa banjir di pusat pemindahan.

"Kita sediakan jana kuasa mudah alih ini bagi menampung permintaan bekalan elektrik yang dijangka meningkat ketika banjir selain itu, TNB juga menyediakan unit jana kuasa mudah alih berkuasa tinggi untuk kemudahan-

an penduduk sekiranya banjir berlaku," katanya ketika ditemui pada Program Penyampaian Beg Sekolah kepada murid tahun satu Sekolah Kebangsaan (SK) Pandan, di sini semalam.

Hadir sama, Adun Panching, Datuk Mohd Zaili Besar dan Guru Besar, Rahmad Shah Ismail.

Sharuddin berkata, pengalaman kejadian banjir besar pada 2013 dan 2014 menjadi iktibar supaya mengambil tindakan awal dengan menyediakan jana kuasa mudah alih di daerah yang berisiko tinggi dilanda banjir besar.

"Semua jana kuasa mudah alih ini akan ditempatkan di hospital, balai polis, balai bomba dan pusat pemindahan," katanya.

Sharuddin berkata, pihaknya menyediakan peruntukan RM13.8 juta untuk menaik taraf empat menara talian penghantaran 132kw dan 141 pencawang pembahagian di enam daerah di negeri ini.

Katanya, projek menaik taraf berkenaan diharap dapat mengatasi masalah bekalan elektrik terputus dalam tempoh yang panjang setiap kali banjir berlaku.

Dalam pada itu katanya, seramai 400 kakitangan diarahkan bersiap sedia untuk menghadapi sebarang kemungkinan gangguan bekalan elektrik ketika banjir.

Pada program itu, seramai 175 murid tahun satu sekolah berkenaan menerima sumbangan beg sekolah daripada TNB.

"Di Pahang, tiga daerah terpilih menerima sumbangan ini iaitu 300 di Kuala Krau, 200 di Paya Besar dan 200 penerima di Rompin.

"Sumbangan ini diharap dapat menceriakan murid tahun satu yang baru memulakan persekolahan," katanya.

**Projek menaik taraf berkenaan diharap dapat mengatasi masalah bekalan elektrik terputus dalam tempoh yang panjang setiap kali banjir berlaku."**

- Sharuddin



Sharuddin dan Mohd Zaili bersama murid tahun satu SK Pandan yang menerima beg sekolah, semalam.